

IQRA'

Bil. 11/2023
NOVEMBER



**Lawatan Tapak oleh Dato' Ar. Hajeedar
Abd Majid**
Kampus Shah Alam - muka 3



**Program Misi IQRA 2023 PTAR UiTM Cawangan
Pulau Pinang**
Kampus Permatang Pauh - muka 7



**Webinar Penulisan Menggunakan Pengkalan
Data Atas Talian (PDAT)**
Kampus Tapah- muka 12



Program Resensi Buku: 1 Staf 1 Buku
Kampus Machang - muka 14




Program Mobile Library@PTAR
Kampus Jasin - muka 15

PROMOSI@PTAR



LAWATAN TAPAK OLEH DATO' AR. HAJEEDAR ABD MAJID 6 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Lawatan tapak oleh Ar. Hajeedar bin Abd Majid di cadangan Bilik Datuk Mohd Yusoff telah diadakan pada 6 November 2023 hari Isnin pada jam 10:00 pagi di Bilik Mesyuarat, PTAR.

Satu perbincangan telah diadakan sebelum lawatan tapak di cadangan bilik Datuk Mohd Yusoff dan Ruang Bicara membabitkan 6 individu berikut:

- I. YBhg. Dato' Ghazali bin Datuk Mohd Yusoff – Pengerusi Lembaga Peradaban Melayu (ADAB) dan Ketua Eksekutif Nusantara Technologies Sdn. Bhd.*
- II. Dato' Ar. Hajeedar Abd Majid – Arkitek*
- III. Ridzwan Hadanan – Jendela Buku*
- IV. Shahidatul Akhmam Rambeli – PTAR*
- V. Asmah Sabtu – PTAR*
- VI. Mohd Khairul Idzwan Mohd Saad – PTAR*

Sebelum perbincangan berakhir jam 2:45 petang, Dato' Ar. Hajeedar dan Dato' Ghazali telah berbesar hati menyumbang buku (3 naskhah daripada Hajeedar), pamflet Nusatek (Dato' Ghazali) dan direktori Malaysia Tourism year 2022 (Dato' Ghazali).



BENGKEL PEMBINAAN BAKAT TUNAS REMAJA PENULISAN CERPEN

22-23 NOVEMBER 2023

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



SHAH ALAM, 24 November 2023: Bengkel Pembinaan Bakat Tunas Remaja Penulisan Cerpen telah diadakan pada 22 hingga 23 November 2023 (Rabu-Khamis), pada jam 8 pagi hingga 4 petang yang bertemlat di Bilik Seminar, PTAR. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk menanam minat penulisan cerpen dalam kalangan pelajar disamping pendedahan kerjaya sebagai penulis.

Puan Sri Diah atau nama sebenar Radiah Shaharuddin lahir pada 10 Julai 1962 dan berasal dari Kuala Lumpur. Beliau berkelulusan daripada Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dalam bidang penulisan kreatif. Telah menulis puisi seawal usia 16 tahun dan berikutnya telah memulakan karier yang panjang sebagai editor selama 39 tahun di Karangkrif Sdn Bhd. Antara novel popular karangan beliau seperti Selamat Malam Tan Sri, Dosa Malam Pengantin dan Suite 1908.

Bengkel ini adalah anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Kepimpinan Pelajar, UiTM Shah Alam.



Disediakan oleh: Hamidah Mohd



Merbok, 15 Nov – Tahniat dan syabas kepada Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) atas kemenangan dan pengiktirafan yang telah diterima pada Hari Kualiti dan Inovasi 2023 UiTM Cawangan Kedah yang telah berlangsung pada 15 November 2023 di Dewan Perdana UiTM Cawangan Kedah. PSB telah menerima pengiktirafan / penghargaan berikut:-

- I. Anugerah Pengurusan Maklumbalas Pelanggan Terbaik – PSB
- II. Anugerah Bahagian Terbaik – PSB
- III. Penghargaan penyertaan Operational Excellence – Kumpulan ILHAM
- IV. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang – En. Faizulzaman Sebudin (Pembantu Pustakawan Kanan)
- V. Anugerah Inovasi UiTM Cawangan Kedah – En. Omar Zainol (Pembantu Pustakawan Kanan)
- VI. Anugerah Perujian Tilawah Al-Quran & Seni Khat Tulisan Jawi Sempena Maulidur Rasul SAW 1445H/2023 – En. Mohd Amin Zainol (Pembantu Pustakawan)
- VII. Anugerah Penceramah Terbaik – Pn. Noor Azlin Abdulah (Pustakawan Kanan)



LAWATAN AKADEMIK SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AIR MERAH, KULIM, KEDAH

26 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Hamidah Mohd

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS KEDAH



Merbok, 26 Nov – Seramai 86 orang pelajar dan 6 orang guru pengiring daripada SMK Air Merah, Kulim telah terlibat di dalam lawatan akademik ke Perpustakaan Sultan Badlishah. Kunjungan lawatan akademik ini telah diberi taklimat ringkas oleh staf PSB seterusnya telah dibawa melawat setiap unit yang terdapat di dalam PSB.

Pelajar-pelajar sekolah yang hadir dalam lawatan ini adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 5 yang masih belum jelas dan agak samar tentang program pengajian yang di tawarkan dan suasana pembelajaran yang perlu dihadapi. Lawatan tersebut bertujuan melihat suasana perpustakaan akademik dan mendapatkan maklumat berguna mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Sultan Badlishah. Semoga lawatan ini, dapat memberi gambaran kepada pelajar-pelajar mengenai suasana pembelajaran di IPTA.



Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



8 November 2023 – Program Misi IQRA PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah pun memasuki siri ke 6 penganjurannya. Pada kali ini, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bakti, Tasek Gelugor dipilih sebagai lokasi pelaksanaan program tanggungjawab korporat universiti bagi perkongsian pengetahuan serta memberi tunjuk ajar mengenai teknik bacaan pantas dan kemahiran literasi maklumat kepada 30 orang Pengawas Pusat Sumber Sekolah. Seawal 8.30 pagi, program telah dimulakan dengan aktiviti Speed Reading oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan bersama 2 orang fasilitator. Aktiviti selama 2 jam ini memberi pengenalan kepada peserta mengenai teknik bacaan pantas melalui taklimat dan juga latihan. Selepas berehat selama 30 minit, program kemudiannya disambung dengan aktiviti Literasi Maklumat yang dikendalikan oleh 4 orang fasilitator terdiri daripada staf PTAR dan pelajar latihan industri serta Pertandingan Resensi Buku.

Sebelum program berakhir, acara penutup telah diadakan bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Resensi Buku serta sijil penyertaan kepada peserta yang terlibat. Melalui ucapan Puan Saliza Zainol selaku Guru Penolong Kanan Pentadbiran SMK Bakti, beliau merakamkan penghargaan kepada pihak PTAR atas penganjuran program yang dapat memberi pendedahan kepada pelajar khususnya Pengawas Pusat Sumber Sekolah dalam aktiviti pembacaan serta literasi maklumat. Secara tidak langsung, ianya juga dapat memberi keyakinan kepada pelajar untuk membuat perkongsian dan berkomunikasi di khalayak ramai terutama semasa perhimpunan sekolah mahu pun di dalam kelas. Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat maklumbalas yang baik daripada para pelajar serta Guru Perpustakaan dan Media SMK Bakti, Puan Musliha Sahari.



Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam



Bertempat di pekarangan PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh, telah berlangsung Program 10K Fun Walk Bersama Rektor UiTM CPP pada 17 November 2023. Program anjuran PTAR UiTM CPP dengan kerjasama PEWANI UiTM CPP ini telah disertai oleh 150 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program Fun Walk ini diadakan sempena bulan Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023 dan sambutan bulan Kesedaran Kanser Payudara (Pinktober).

Seawal 8.30 pagi, program telah dimulakan dengan aktiviti senamrobik untuk memanaskan badan yang dikendalikan oleh Encik Mohd Saiful Effendy Mohd Shukeri, Pembantu Pustakawan Kanan dan diikuti dengan acara pelepasan para peserta Fun Walk yang dilaksanakan oleh Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy bin Razali, Rektor UiTM CPP bersama Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM CPP. Rektor UiTM CPP juga tidak ketinggalan untuk sama-sama berjalan dengan peserta diiringi oleh Timbalan Ketua Pustakawan di sekitar kawasan perumahan di luar Kampus Permatang Pauh.

Program Fun Walk ini turut dimeriahkan dengan acara memasak mi segera oleh Encik Muhamad Ismail Mohd Ali, Pembantu Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa PEWANI UiTM CPP untuk dijamu kepada para peserta. Sebelum bersurai, 6 hadiah misteri yang menjadi rebutan peserta telah disampaikan oleh Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy bin Razali, Rektor UiTM CPP kepada peserta yang bertuah.



Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



Program *Writing Tools & Techniques Workshop* anjuran Perpustakaan Al Bukhari (PAB) dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI) UiTM Cawangan Pahang telah diadakan pada 21 November 2023, Selasa. Perpustakaan Al Bukhari (PAB) yang berfungsi sebagai pusat ilmu komited dalam membantu penyelidikan terutamanya penyelidik dalam kalangan warga UiTM untuk penulisan akademik. Tujuan program ini diadakan adalah bagi mempromosikan kemahiran penyelidikan bagi menyokong penulisan para penyelidik UiTM Cawangan Pahang.

Program ini telah dianjurkan di Bilik IT, Perpustakaan Al Bukhari pada jam 9:00 pagi sehingga 12.00 tengahari dan seramai 40 orang telah hadir dan menyertai bengkel dimana peserta terdiri daripada penyelidik, pensyarah dan pelajar dari UiTM Cawangan Pahang. Program *Writing Tools & Techniques Workshop* telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr. Mohd Zulkhairi Bin Mohd Azam, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi. Dr. Mohd Zulkhairi Bin Mohd Azam telah berkongsi pelbagai tips penulisan dan memperkenalkan beberapa Artificial intelligence (AI) writing tools yang boleh digunakan oleh para penyelidik UiTM Cawangan Pahang. Antara Artificial intelligence (AI) writing tools yang boleh digunakan adalah:

- I. ChatGPT
- II. Grammarly
- III. Tome
- IV. Quillbot
- V. Writesonic
- VI. Canva

Program ini bukan sahaja bertujuan mempromosikan kemahiran penyelidikan bagi menyokong penulisan para penyelidik malahan juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi untuk meningkatkan kualiti penulisan seiring dengan Sustainable Development Goals (SDG): SDG 4 (Quality Education) dan SDG 17 (Partnerships For The Goals).

LAWATAN PENANDAARASAN DARI KOLEJ VOKASIONAL WAKAF TEMBESU, KUALA TERENGGANU

5 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

BULETIN
IQRA

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun, telah menerima kunjungan lawatan penandaaran seramai 27 orang pelajar termasuk tenaga pengajar dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu, pada 5 November 2023, Ahad yang lalu. Lawatan penandaaran dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu ini diiringi oleh dua orang pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Terengganu.

Sepanjang lawatan ini, delegasi lawatan telah diberi penerangan berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan kepada warga UiTMCT dan juga komuniti setempat. Di samping itu, pelajar diberi pendedahan mengenai kaedah pencarian koleksi buku melalui sistem Online Public Access Catalogue (OPAC). Turut diterangkan ialah perkhidmatan yang ditawarkan kepada ahli luar UiTM. Delegasi lawatan dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu ini juga dibawa melawat ke sekitar ruang kerja perpustakaan dan diberi penerangan ringkas mengenai pemerosesan buku dan koleksi.

Secara tuntasnya, lawatan penandaaran selama dua jam ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, daripada wakil delegasi lawatan dan diikuti dengan sesi bergambar kenangan. Semoga dengan perkongsian daripada lawatan ini dapat memberi inspirasi dan menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya di UiTMCT.



Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris



Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), telah mengadakan Lawatan Penanda Arasan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Pulau Pinang, pada 15 November 2023, Rabu yang lalu. Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti kerja kakitangan melalui perkongsian pengetahuan, di samping dapat memberi pendedahan berkenaan dengan kepelbagaian perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna di perpustakaan UiTM cawangan lain.

Lawatan ini telah diketuai oleh En. Md. Kamil Ibrahim, Pustakawan Kanan, telah dianggotai oleh 21 orang staf perpustakaan UiTMCT dari ketiga-tiga kampus iaitu Dungun, Kuala Terengganu dan Bukit Besi. Tiba di kampus UiTM Pulau Pinang pada jam 10.00 pagi, kami disambut mesra oleh kakitangan PTAR. Delegasi lawatan kami telah diberi penerangan berkenaan perpustakaan oleh Cik Nor Azilawati, Pustakawan Kanan, dan dibawa melawat ke ruang kerja dan ruang bacaan perpustakaan bagi melihat suasana kerja di perpustakaan tersebut, diiringi oleh En. Nurul Izwan Amir, Pustakawan Kanan, dan beberapa orang staf perpustakaan yang lain. Amalan terbaik dan perkongsian operasi kerja yang dipraktikkan di perpustakaan yang dilawati ini diharap dapat memberikan idea penambahbaikan serta memantapkan lagi perkhidmatan dan kemudahan yang sedia ada di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT.

Sesi lawatan berakhir pada pukul 12.30 tengahari dengan sesi penyampaian cenderahati dan bergambar kenangan bersama. Pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT mengalu-alukan lawatan balas ke perpustakaan kami pada masa akan datang. Semoga lawatan ini dapat mengeratkan jalinan dan jaringan antara Perpustakaan UiTM agar dapat sama-sama memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada universiti yang kita cintai ini. #UiTMDihatiku



WEBINAR PENULISAN MENGGUNAKAN PENGKALAN DATA ATAS TALIAN (PDAT) 5 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Aizu Hakimi Mohd Adnan




15 November 2023 – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan webinar Pengkalan Data Atas Talian (PDAT): Eikon With Datasream. Webinar ini telah berlangsung secara atas talian bermula 10.00 Pagi sehingga 12.00 Tengahari dengan menggunakan platform Cisco Webex. Webinar ini telah disampaikan Encik Wilson Teo Yang merupakan Pengurus Akademi dari Refinitiv dan Encik Aizu Hakimi, Pustakawan PTAR Tapah bertindak sebagai hos program. Seramai 17 peserta telah menyertai program ini terdiri daripada pensyarah daripada UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah.

Eikon with Datastream adalah aplikasi yang dicipta oleh Thomson Reuters (kini Refinitiv) untuk memberikan akses secara real-time kepada data kewangan global kepada profesional kewangan. Aplikasi ini menyediakan data pasaran saham, bon, mata wang, komoditi, serta data ekonomi makro dan mikro. Dengan alat analisis yang kuat, Eikon with Datastream digunakan oleh pelbagai golongan profesional untuk menyokong keputusan pelaburan dan perniagaan mereka. Pada perspektif UiTM pula, Eikon with Datastream sangat membantu pelajar serta pensyarah dalam menganalisis serta menyelidik maklumat berkaitan ekonomi, kewangan dan pelaburan untuk tujuan penulisan ilmiah yang berkualiti.

Encik Wilson Teo telah menerangkan secara terperinci mengenai kaedah menggunakan aplikasi Eikon With Datastream kepada para peserta yang terdiri daripada pensyarah serta rata-rata maklumbalas yang diterima oleh pensyarah adalah amat memberangsangkan. Ini kerana kebanyakan pensyarah menggunakan Eikon with Datastream ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat mengenai data kewangan, ekonomi dan bisnes untuk dimasukkan ke dalam penulisan akademik mereka.

Akhir kata diharapkan program seperti ini dapat dijalankan lagi pada masa yang akan datang supaya ilmu yang diperolehi dapat membantu meningkatkan kefahaman pengguna khususnya pengguna PDAT Eikon with Datastream serta memudahkan juga pensyarah untuk menghasilkan penulisan yang bermutu tinggi.



Disediakan oleh: Sazlina Saleh



MACHANG, 22 November – Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Machang telah mengadakan Program Resensi Buku: 1 Staf 1 Buku bertempat di ruang StarCor PTA pada jam 10:30 pagi sehingga 12:30 tengah hari.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mempergiatkan aktiviti galakan membaca terutamanya dalam kalangan staf PTA serta menjadikan membaca sebagai budaya sekaligus menyokong aspirasi Read@UiTM iaitu pemerkasaan program galakan membaca di Institut Pengajian Tinggi khususnya di UiTM.

Seramai 6 orang staf PTA telah membuat ulasan buku mereka yang dipinjam daripada koleksi PTA dan diikuti dengan sesi soal jawab. Program diakhiri dengan ucapan penutup daripada Puan Alina Hussein, Timbalan Ketua Pustakawan PTA yang menyatakan beliau berbangga dengan semua staf yang telah membuat ulasan serta memuji mereka yang berani untuk sahut cabaran ini. Diharapkan melalui program sebegini dapat meningkatkan lagi keyakinan dan kemahiran komunikasi bagi semua staf PTA.



Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani



PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengadakan "Program Mobile Library @PTAR". Tujuan program ini diadakan untuk menggalakkan kakitangan & pelajar UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin untuk meminjam buku dan menggalakkan lagi budaya membaca dikalangan warga UiTM.

Program ini telah diadakan seperti ketetapan berikut :

Masa : 12.00 T/Hari hingga 4.00 Petang

Tarikh : 03 November 2023 (Jumaat)

Tempat : Medan Selera Kolej, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir.



RESEARCH METHODOLOGY WORKSHOP SERIES 3.0 (2023) "REFERENCE MANAGEMENT TOOLS"

20 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA

RESEARCH METHODOLOGY WORKSHOP SERIES 3.0 (2023) :
"REFERENCE MANAGEMENT TOOLS"

- For Final Year Project (FYP) Degree, Master & PhD students
- Free Participation
- E-sijil
- Meal for 30 early birds

THIS EVENT WILL BE HELD ON:

Monday
20 November 2023

Start From
10:00am- 12:00pm

Bilik Seminar,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Level 2 UiTM Branch Malacca Campus Jasin.

ORGANISER:
AGRI-BUSINESS SOCIETY (ABS)
FACULTY OF PLANTATION AND AGROTECHNOLOGY

COLLABORATION:
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS JASIN

MR. ABDUL AZIM BIN
AB. GHANI
LEKASERAM
UiTM BRANCH MALACCA CAMPUS JASIN

20 November 2023, Isnin – Satu program akademik iaitu RESEARCH METHODOLOGY WORKSHOP SERIES 3.0 (2023)-"REFERENCE MANAGEMENT TOOLS" anjuran Persatuan Agribusiness Fakulti Perladangan & Agroteknologi dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin telah diadakan bermula jam 10 pagi hingga 12 tengah hari, bertempat di Bilik Seminar aras 2, PTAR Melaka Kampus Jasin. Tahniah dan Terima Kasih diucapkan kepada semua peserta dalam memberikan tumpuan yang sepenuhnya semasa bengkel dijalankan.



THE POWER OF MOVEMENT: HOW HEALTH AND EXERCISE CAN CHANGE YOUR LIFE

28 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh

BULETIN
IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS SEREMBAN 3, NEGERI SEMBILAN

Selasa, 28 November 2023, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah mengadakan Ceramah : *The Power of Movement: How Health and Exercise Can Change Your Life*. Ceramah ini telah disampaikan oleh En. Muhammad Zulqarnain Mohd Nasir, Pensyarah, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Ceramah ini berlangsung selama 1 jam secara fizikal bertempat di Library Community Engagement (LCE) PTAR Kampus Seremban dan menerusi live di aplikasi youtube PTAR Kampus Seremban.

Geramah
THE POWER OF MOVEMENT: HOW HEALTH AND EXERCISE CAN CHANGE YOUR LIFE

SELASA | 28 NOVEMBER 2023 | 11.00 PAGI
RUANG LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT
PTAR KAMPUS SEREMBAN

Arahan: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

**E-SIJIL DAN JAM LATIHAN
DISEDIAKAN**

PENCERAMAH
EN. MUHAMMAD ZULQARNAIN MOHD NASIR
PENSYARAH, FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

Telokan kepada semua warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban



PROGRAM OPEN DAY PTAR 2023 KAMPUS SEREMBAN

28-30 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Seremban dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa UiTM Kampus Seremban, Kelab PTAR Buddies UiTM Kampus Seremban, Kelab Nadi Arab UiTM Kampus Seremban, Kelab DeMath UiTM Kampus Seremban, FoSRec UiTM Kampus Seremban dan pelajar Fundamental Entrepreneurship (ENT300) telah mengadakan Program Open Day PTAR 2023 pada 28, 29 dan 30 November 2023.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti Program Speed Reading, Pertandingan Read and Seek: The Library Adventure, Pertandingan BookTok: Healing With Book, Pertandingan Kaligrafi (Tulisan Arab), FIFA23 Tournament, Mobile Legends (MLBB) E-Sport Tournament serta cabutan bertuah kepada pengunjung perpustakaan. Di samping itu, program ini juga turut disertai oleh agensi badan kerajaan, pihak swasta dan Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Kampus Seremban bagi mengadakan Reruai Pameran di Ruang Legar PTAR Kampus Seremban.

**OPENDAY
PTAR
2023**

TARIKH
28, 29, 30 NOVEMBER 2023

MASA
09:00AM - 10:00PM

TEMPAT
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)
KAMPUS SEREMBAN

AKTIVITI

- Games - The Power of Movement - Near Health and Exercise Can Change Your Life
- Huraiah Kitab: Muzik Buku Bersama Penulis
- Speed Reading
- Read and Seek: The Library Adventure
- BookTok: Healing With Book
- Pertandingan Kaligrafi (Tulisan Arab)
- Spin and Speak
- Chinese Paper Cutting
- Pertandingan Open Air (15 Minutes Poetry)
- E-SPORT FIFA
- E-SPORT Mobile Legend
- Teku Jumlah Muka Surat Buku
- Benua Pameran dan Gerai Axiom

**JOM SERTA KAMI,
PELBAHAI AKTIVITI
MENARIK MENANTI ANDA**

Agensi Persekitaran Tun Abdul Razak (PTAR)
UiTM Kampus Seremban dengan kerjasama
Akademi Pengajian Bahasa UiTM Kampus Seremban,
Kelab PTAR Buddies UiTM Kampus Seremban, Kelab
Nadi Arab UiTM Kampus Seremban, Kelab DeMath
UiTM Kampus Seremban, FoSRec UiTM Kampus
Seremban dan pelajar Fundamental
Entrepreneurship (ENT300) telah mengadakan
Program Open Day PTAR 2023 pada 28, 29 dan 30
November 2023.



Program yang dijalankan selama tiga hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga kampus. Tirai program ditutup dengan Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah oleh Dr. Mohd Shariman bin Shafie, Penolong Rektor Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban kepada para pemenang pertandingan yang telah dianjurkan.

Semoga dengan adanya Program Open Day PTAR seperti ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar terutamanya dalam memberi pendedahan mengenai bahan bacaan yang boleh didapati di perpustakaan dan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PTAR Kampus Seremban.



Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim




KOTA SAMARAHAN, 17 NOVEMBER 2023 – PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah melaksanakan Program Mobile Library (Read@UiTM: PTAR X UNIT SUKAN) bersama staf Unit Sukan bertempat di Pejabat Unit Sukan, UiTM Kampus Samarahan pada sekitar jam 10.00 pagi.

Objektif penganjuran program kali ini adalah untuk memperkenalkan, memberi kesedaran dan mempromosikan mengenai kelebihan serta kemudahan yang ada pada UiTM Library Mobile Apps kepada staf Unit Sukan UiTM Cawangan Sarawak.

Program ini telah dikendalikan oleh En. Ismawi bin Ibrahim, Pembantu Pustakawan Kanan dan En. Dominic bin Inggü, Pembantu Pustakawan Kanan PTAR Kampus Samarahan.



PROGRAM MOBILE LIBRARY (READ@UITM: PTAR X UNIT SUKAN)
17 November 2023 | Pejabat Unit Sukan, UiTM Kampus Samarahan



PROGRAM PTAR COMEBACK: BOOK CAFE DAY 27 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Zuraida Abdul Karim



KOTA SAMARAHAN, 27 NOVEMBER 2023- PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Program PTAR Comeback: Book Cafe Day bertempat di perkarangan luar PTAR Kampus Samarahan 2 bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Terdapat pelbagai pengisian menarik sepanjang Book Cafe Day ini berlangsung seperti Self Photobooth, Book Fair, Jualan Minuman dan Makanan, Live Performance dan Game Session.

Terima kasih diucapkan kepada semua vendor yang terlibat dalam program ini iaitu Vixen Studio, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pyorr Malaysia, Austin Carlos dan kepada semua warga UiTM Cawangan Sarawak yang hadir memberi sokongan terhadap program ini.



PELANCARAN RUANGAN *LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT* 20 NOVEMBER 2023

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



Program Pelancaran Ruangan *Library Community Engagement* adalah satu inisiatif PTAR UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub untuk memulakan lembaran baharu dengan acara pelancaran ruangan *Library Community Engagement* (LCE). Program diadakan pada 20 November 2023, dari jam 10:00 pagi hingga 12:30 tengah hari bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Raub. Program ini telah melibatkan seramai 13 orang Pengawas Pusat Sumber (PSS) dan dua orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Raub (SEMESRA).

Antara slot khas program pelancaran ini termasuk sesi Taklimat Junior Librarian daripada Pustakawan Cik Muniratul Husna Binti Mohamad Zaki bertujuan untuk memberi pendedahan tentang dunia pustakawan dan penerangan bagaimana perpustakaan di universiti beroperasi. Pelajar juga dibawa untuk melihat kemudahan-kemudahan fasiliti serta perkhidmatan yang disediakan PTAR Raub oleh Cik Umi Nadia Jalaludin@Kamarudin, Pustakawan PTAR Raub.

Slot kedua disampaikan oleh Encik Khairul Anuar, Pensyarah Undang-Undang Kampus Raub berkongsi proses pendakwaan jenayah di mahkamah Malaysia, dan Encik Mohamad Noor dari Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, berkongsi mengenai perkhidmatan dan pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk mendedahkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR Raub ia juga bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dikalangan golongan muda sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) – khususnya SDG 4 (Quality Education), SDG 17 (Partnerships For The Goals) dan SDG 16 (Peace Justice & Strong Institution).



PROMOSI@PTAR



IQRA'



ENDNOTE 21

New Features



Organize references with tags



Enhanced restoration and recovery options



Exclusive access to the new EndNote Web



Library sharing with up to 1,000 friends/colleagues

Where to download?

EndNote Software for **Windows**



EndNote Software for **Mac**



Need Help?

Chat with Librarian : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>



ENDNOTE 21

New Features, Where to download?